

17 NOV 1998

Al Gore-Reaksi

KENYATAAN AL GORE MENGGAMBARAKAN KEANGKUHAN AMERIKA

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini berkata kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al-Gore semalam yang menyokong gerakan "reformasi" di negara ini, tidak lain menggambarkan keangkuhan Amerika sebagai sebuah negara yang suka mencampuri urusan dalaman negara lain.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata tindakan itu juga menggambarkan sebuah negara yang tidak berdisiplin daripada segi perhubungan di peringkat antarabangsa.

"Saya pelik perkara seperti ini boleh berlaku kerana sebelum ini belum pernah berlaku seorang pemimpin datang ke Malaysia sebagai tetamu dan campurtangan urusan dalaman negara tuan rumah," katanya ketika di temui di lobi Parlimen di sini hari ini.

"Tindakan campurtangan seperti ini memang tidak boleh diterima. Perkara seperti ini tak pernah berlaku dan tak sepatutnya berlaku," katanya.

Semalam, Al Gore, yang diberi penghormatan berucap pada majlis makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan Apec di sini, telah menggemparkan majlis itu apabila beliau menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan sokongannya terhadap pergerakan "reformasi" anti kerajaan.

Menyentuh isu itu menjelang akhir ucapannya, beliau mengejutkan hadirin yang terdiri daripada 1,000 pegawai tertinggi kerajaan dan pemimpin-pemimpin industri dari Lingkaran Pasifik apabila beliau memperkatakan kelompok yang terlibat dalam apa yang disebut sebagai gerakan reformasi sebagai kalangan orang Malaysia yang berani.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut hadir pada majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

Menteri Kewangan Kedua yang juga Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata sebagai seorang pemimpin tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan yang biadap mengenai negara yang dilawati.

"Saya percaya rakyat Malaysia menentang sebarang usaha campurtangan negara lain dalam urusan negara kita," katanya.

Bagaimanapun ketika ditanya mengenai kesan kenyataan itu terhadap hubungan ekonomi dan dagangan kedua-dua buah negara, Mustapa berkata pelabur mahupun pelancong Amerika tidak pernah menimbulkan sebarang masalah kepada kerajaan kerana mereka mengetahui keadaan sebenar di negara ini.

"Pada mesyuarat Apec juga saya berpeluang menemui ahli-ahli perniagaan Amerika dan ternyata mereka gembira di sini, mereka ini tahu tentang peluang pelaburan, keamanan di Malaysia dan faham tentang sistem kehakiman di negara ini," katanya.

Yang menimbulkan masalah sebenarnya hanyalah pemimpin politik Amerika yang mendengar laporan berat sebelah sehingga berlakunya tindakan yang mendukacitakan negara lain, kata Mustapa.

Pemuda MCA turut mengutuk sekeras-kerasnya ucapan Al Gore itu yang ternyata menggambarkan keangkuhan Amerika dan sikap pemimpin negara itu yang suka mencampuri urusan dalaman negara luar.

Ketua Pemuda MCA Datuk Chan Kong Choy berkata dengan membuat ucapan sedemikian, pemimpin Amerika itu seolah-olah tidak tahu menghormati diri sendiri apatah lagi negara yang dilawatinya.

"Gesaannya supaya rakyat negara ini menyokong gerakan reformasi menunjukkan beliau tidak faham keadaan yang berlaku di negara ini, yang sebenarnya jauh berbeza daripada apa yang berlaku di Indonesia.

"Rakyat Malaysia menghargai keamanan dan saya sendiri tidak percaya

sebagai seorang tokoh pemimpin penting dari sebuah negara berkuasa, beliau sanggup memperakui tindakan keganasan seperti itu," katanya.

Sementara itu Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail berkata beliau sungguh terkejut dengan ucapan yang tidak senonoh dan tidak sopan pemimpin Amerika itu kerana sepatutnya sebagai tetamu beliau tidak sepatutnya membuat kenyataan yang boleh merunsingkan atau tidak menyeronokkan pihak tuan rumah.

"Ucapan beliau sebenarnya "out of place", ia tidak patut diucapkan dalam majlis makan malam dan tidak sepatutnya menyentuh perkara-perkara lain bersangkutan politik apatah lagi soal dalaman negara lain," katanya dengan nada kesal.

Mohamed Zahir berkata langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan Malaysia dibuat secara demokratik dan mengikut sistem undang-undang.

Kelab Penyokong Kerajaan dalam kenyataannya menggesa ketua-ketua kerajaan yang menghadiri persidangan Apec di sini supaya berfikir dua kali sebelum membuat tindakan yang boleh mengurangkan rasa hormat rakyat Malaysia kepada mereka.

Ketua Penerangannya Abdul Rahman Sulaiman berkata pemimpin yang hadir perlu menumpukan kepada perbincangan mengenai ekonomi dan bukannya soal-soal lain seperti yang dilakukan oleh naib presiden Amerika Syarikat dan Setiausaha Negaranya.

"Kita ingatkan kedua-dua pemimpin ini, bahawa mereka berada di sini sebagai tetamu, oleh itu mereka sepatutnya bersikap seperti seorang tetamu," katanya.

Bagaimanapun, anggota Parlimen Kubang Kerian dari PAS, Mohamad Sabu berpendapat pemimpin Amerika itu mempunyai hak untuk memberi pandangan beliau mengenai satu-satu perkara.

Anggota Parlimen Kepong dari DAP, Dr Tan Seng Giaw berkata Amerika sepatutnya menghormati negara ini dan turut mengingatkan kerajaan supaya lebih berhati-hati dalam menerima apa-apa bantuan daripada Amerika.

Dalam masa yang sama beliau turut meminta kerajaan supaya lebih telus dalam segala tindakan yang diambil terutama berhubung kes perbicaraan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, supaya tidak ada peluang kepada pihak luar mengkritik dan mencampuri urusan dalaman negara ini.

-- BERNAMA

WNZ RON